

23 FEB 2003

NAM-Indonesia/I

TIADA PERUBAHAN PENDIRIAN BAGI KOREA UTARA - INDONESIA

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Pemimpin Korea Utara Kim Yong Nam telah mengulangi pendirian negaranya mahukan dialog dengan Amerika Syarikat mengenai program pembangunan senjata nuklearnya, menurut Indonesia.

Ia dinyatakan oleh Kim, Presiden Perhimpunan Agung Perwakilan Rakyat Korea Utara, semasa beliau mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri pada sampingan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini.

Menteri Luar Indonesia Hassan Wirajuda berkata pendirian Korea Utara tetap sama dan "rakan-rakan Korea Utara, Korea Selatan serta Amerika Syarikat patut membantu Indonesia menyelesaikan krisis di Semenanjung Korea."

"Dalam pertemuan itu Kim juga mengulangi penghargaan Korea Utara terhadap Indonesia kerana cuba menyelesaikan krisis itu," katanya pada satu persidangan media di sini.

Indonesia telah mengambil usaha untuk menyelesaikan krisis nuklear yang sedang bergolak dan melantik wakil khas yang telah melawat Pyongyang dan Seoul baru-baru ini.

Megawati juga telah melawat Korea Utara dan Selatan pada Mac tahun lepas untuk berunding dengan para pemimpin kedua-dua negara itu sebagai usaha untuk mencapai satu penyelesaian damai terhadap kebuntuan itu tetapi usaha berkenaan gagal.

"Pendirian kedua-dua pihak (Korea Utara menentang Korea Selatan dan Amerika) terlalu jauh berbeza buat masa ini. Korea Utara mahukan dialog atau perundingan dengan Amerika atas asas yang sama. Ia tidak mahu satu pendekatan pelbagai hala untuk menyelesaikan isu itu," katanya.

Beliau berkata Indonesia tidak berpura-pura yang ia boleh menyelesaikan isu itu tetapi hanya mahu memainkan peranan sebagai orang tengah.

"Kedua-dua pihak dari segi prosedur, dilihat masih terpisah jauh, disebabkan itu kami menggalakkan negara lain membantu menyelesaikan masalah ini melalui satu dialog."

Hassan berkata Megawati juga telah mengadakan pertemuan dua hala masing-masing dengan Presiden Zimbabwe Robert Mugabe dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pada kedua-dua pertemuan itu, masing-masing pemimpin bercakap mengenai cara untuk mengukuhkan NAM, usaha untuk menyatukan pergerakan itu, isu dalam negara anggota NAM, bagaimana NAM boleh memaksimumkan usaha mencari satu penyelesaian damai terhadap krisis Iraq dan cara untuk meningkatkan hubungan dua hala antara Indonesia dan kedua-dua negara.

"Dengan Dr Mahathir, isu berhubung kedua-dua negara telah dibincangkan termasuk penandatanganan satu memorandum persefahaman mengenai buruh, dan bagaimana kedua-dua negara boleh mengukuhkan hubungan erat yang sedia terjalin," katanya.

-- BERNAMA

SR MFJ RON